

Karya *Naṣā’ih al-‘Ibād* oleh Nawawi al-Bantani dan *Sirāj al-Tālibīn* oleh Ihsan Muhammad Dahlān al-Jampasi al-Kediri: Kajian Perbandingan Terhadap Metode Penulisan Hadith

The Works of Naṣā’ih al-‘Ibād by Nawawi al-Bantani and Sirāj al-Tālibīn by Ihsan Muhammad Dahlān al-Jampasi al-Kediri: A Comparative Research on the Methods of Writing the Hadith

Arwansyah Kirin

Department of Islamic Studies, Centre for General Studies and Co-Curricular,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.
arwansyah@uthm.edu.my

Faisal Husen Ismail

Department of Islamic Studies, Centre for General Studies and Co-Curricular,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.
faisalhu@uthm.edu.my

Abd Shakor Borham

Department of Islamic Studies, Centre for General Studies and Co-Curricular,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.
shakor@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol48no1.2>

Abstract

*The book of Naṣā’ih al-‘Ibād by Nawawi al-Bantani and Sirāj al-Tālibīn by Ihsan al-Jampasi are one of the main references used in the Nusantara Archipelago on Islamic knowledge relating to religious advices and tasawuf. Both books contain many hadiths and yet they are not stated about the position of the hadith. Therefore, this study aims to identify the methods used in writing the hadith by Nawawi al-Bantani and Ihsan al-Jampasi in the book of Naṣā’ih al-‘Ibād and Sirāj al-Tālibīn. This study also compares the methods adopted by the two books in the writing of hadith. This is done to find the similarities and differences between the two methods. The method for this study is qualitative, through the use of library research and analysis design of the contents in the books of Naṣā’ih al-‘Ibād and Sirāj al-Tālibīn. This study had found that, there exists similarities in the method of writing the hadith in the book of Naṣā’ih al-‘Ibād and Sirāj al-Tālibīn, which is in the writing of hadith without a sanad and only stating the mukhrij of the hadith. Furthermore, the two books had also used lafaz (sighat) *Qala’* at the beginning of the hadith. Meanwhile, the differences that had been found in this study is such that Nawawi al-Bantani writes the hadith without a sanad by adding the rāwī a'lā at the stage of tabi'in and sahabah. Nawawi al-Bantani also uses the method riwayat bi al-lafzī. In contrast, the approach used by Ihsan al-Jampasi is the usage of various sighat*

(format) to deliver the hadith. This includes stating the source of the hadith and at times using the method *riwayat bi al-ma’na*.

Keywords: Naṣā’ih al-‘Ibād, Sirāj al-Ṭālibīn, *The writings of Hadith, Nawawi al-Bantani, Ihsan al-Jampasi*

Abstrak

Kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* oleh Nawawi al-Bantani dan *Sirāj al-Ṭālibīn* oleh Ihsan al-Jampasi merupakan antara beberapa kitab utama yang dirujuk di Nusantara dalam ilmu Islam berkaitan nasihat-nasihat agama dan *tasawuf*. Dalam kedua-dua kitab tersebut memuatkan banyak hadith-hadith. Walau bagaimana pun, tidak dinyatakan tentang kedudukan hadith tersebut. Oleh kerana itu, kajian ini bertujuan melihat metodologi penulisan hadith oleh Nawawi al-Bantani dan Ihsan al-Jampasi dalam kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* dan *Sirāj al-Ṭālibīn*. Selain itu, kajian ini juga menganalisis perbandingan metode kedua-dua kitab tersebut bagi mengetahui titik persamaan dan perbezaan di antara metode-metode tersebut. Metodologi kajian ini adalah kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan reka bentuk analisis kandungan kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* dan *Sirāj al-Ṭālibīn*. Kajian ini mendapati bahawa wujudnya persamaan metode penulisan hadith dalam kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* dan *Sirāj al-Ṭālibīn* iaitu penulisan hadith tanpa sanad dan hanya menyatakan *mukhrīj* hadith sahaja. Selain itu, keduanya menggunakan *lafaz* (*sighat*) *qāla* pada awal permulaan hadith. Manakala perbezaannya pula ialah Nawawi al-Bantani menulis hadith tanpa sanad dengan menambah *rāwī a’lā* di peringkat tabi’in dan sahabat. Beliau turut menggunakan metode *riwayat bi al-lafzī*. Pendekatan Ihsan al-Jampasi pula menggunakan pelbagai *sighat* (format) untuk menyampaikan hadith, menyatakan sumber hadith dan kadang-kadang menggunakan metode *riwayat bi al-ma’na*.

Kata kunci: *Naṣā’ih al-‘Ibād*, *Sirāj al-Ṭālibīn*, penulisan hadith, Nawawi al-Bantani, Ihsan al-Jampasi

Pendahuluan

Pengkajian hadith di Nusantara belum mendapat perhatian yang besar sebagaimana dilakukan kepada ilmu-ilmu keislaman lain seperti ilmu fiqh mahupun usul fiqh. Namun begitu, kebelakangan ini, kajian hadith dari sudut sanad, matan dan ‘ulūm al-hadīth dilihat semakin mendapat perhatian selari dengan keperluan menjaga sumber-sumber rujukan utama Islam. Para ulama Nusantara telah mengisi kelompongan ini dengan baik. Nawawi al-Bantani dan Ihsan al-Jampasi memberikan sumbangan besar berkaitan hadith. Malah, perbincangan hadith telah menjadi

fenomena dan ianya semakin rancak berkembang secara formal maupun tidak formal.

Nawawi al-Bantani merupakan seorang ulama terkemuka di Nusantara serta turut dikenali sebagai *mufassir*, pemikir dan fakih dalam bidang keilmuan Islam. Selain itu beliau mempunyai kepakaran dalam bidang hadith. Manakala, Ihsan al-Jampasi merupakan seorang ulama terkemuka dalam ilmu falak, fekah dan tasawuf. Kedua-dua ulama tersebut telah memberikan sumbangan keilmuan yang besar kepada perkembangan hadith khususnya dan keilmuan agama Islam umumnya di Nusantara¹. Justeru kajian ini dilakukan untuk mengulas metode penulisan hadith dalam karya utama kedua ulama di atas. Kedua kitab tersebut ialah *Naṣā’iḥ al-‘Ibād* karya Nawawi al-Bantani dan kitab *Sirāj al-Tālibīn* karya Ihsan al-Jampasi. Kajian Seterusnya akan dibuat perbandingan metode penulisan hadith daripada kedua-dua kitab tersebut. Ini bertujuan untuk melihat metode penulisan hadith pada zaman mereka ke atas sumbangan perkembangan ilmu hadith.

Latar Belakang Pengarang

Nama sebenar Nawawi al-Bantani adalah Muhammad bin ‘Umar bin ‘Arabi bin ‘Ali. Beliau terkenal dengan nama Muhammad Nawawi al-Shaykh al-Jawi al-Bantani². Di Indonesia beliau lebih dikenali dengan panggilan K.H Nawawi Putra Banten³. Nawawi dilahirkan pada tahun 1230 H/1813 M di kampung Tanara, Serang, Kecamatan Tirtayasa Kabupaten Banten, Jawa Barat Indonesia⁴ dan wafat ketika berusia 84 tahun, iaitu pada 24 Syawal 1314 H/1897 M di tempat tinggalnya yang terakhir di *Shi’ib ‘Alī Makkah*⁵. Nawawi al-Bantani adalah seorang tokoh ulama terkemuka, yang dipuji oleh Snouck Hurgronje sebagai penduduk setempat yang sangat rendah hati sarjana pada masanya, dan

¹ Ishak Haji Suliaman, “Metodologi Penulisan *Bulugh al-Marām* Sebagai Kitab *Ḥadīth al-Aḥkām*”, *Jurnal Usuluddin* 10 (1999), 1-20.

² Yusuf ‘Allan Sarkis, *Mu’jam al-Matbū’ah al-‘Arabiyyah wa al-Mu’arrabah* (Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Dīniyyah, t.t.), 1881.

³ Karel A. Steenbrink, *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke 19* (Jakarta: Terjemahan Bulan Bintang, 1984), 117.

⁴ Chaidar, *Sejarah Pujangga Islam Shaykh Nawawi Banten* (Jakarta: CV Sarana Utama, 1978), 5.

⁵ Rafi’uddin Ramli, *Sejarah Hidup dan Silsilah Keturunan Shaykh Nawawi Banten* (Banten: Yayasan Nawawi Tanara, t.t.), 7.

penulis yang produktif dalam berbagai disiplin ilmu. Bahkan hari ini, banyak bukunya dipelajari di pesantren di Indonesia dan wilayah Nusantara lainnya.

Menurut satu sumber, Nawawi al-Bantani telah berjaya menghasilkan 99 buah karya penulisan, manakala menurut sumber lain menyatakan bahawa hasil karya beliau mencapai 115 buah yang mencakupi pelbagai bidang disiplin ilmu⁶. Di Indonesia, karya-karya Nawawi al-Bantani boleh didapati di kedai-kedai buku yang ada di kota-kota⁷. Berdasarkan hasil penelitian yang dilakukan oleh Martin Van Bruinessen ke beberapa pesantren di Indonesia, bahawa Nawawi al-Bantani menulis tidak kurang daripada 40 buku, ianya masih banyak diguna pakai sebagai materi pembelajaran di pesantren Indonesia⁸. Di samping itu, tidak kurang daripada 22 buah hasil karya Nawawi al-Bantani masih tersebar secara meluas, manakala 11 buah kitab karyanya adalah termasuk dalam kumpulan 100 kitab yang paling banyak digunakan di pesantren⁹. A.H Johns mendapati bahawa kesemua hasil karya beliau adalah dalam bahasa Arab yang sederhana. Hal ini mungkin kerana ia sesuai dengan tahap kemampuan masyarakat Nusantara dalam memahami bahasa Arab, selain itu kitab-kitab beliau banyak digunakan di Nusantara¹⁰.

Karya-karya Nawawi al-Bantani juga di pelajari disekolah-sekolah agama Mindanou (Filipina Selatan) dan Thailand Selatan. Menurut Ray Salam T. Mangondaan, peneliti di Institute Studi Islam University of Philipines, karya Nawawi al-Bantani banyak dipelajari di sekolah agama Filipina Selatan yang masih menggunakan sistem pembelajaran Tradisional¹¹. Keunggulan Nawawi al-Bantani tidak hanya diakui di negaranya tetapi juga di dunia Arab. Beliau dikenali melalui karyanya dalam bahasa Arab dalam pelbagai disiplin ilmu. Melalui karya-karyanya yang

⁶ *Ensiklopedia Islam* (cet. ke 3, Jakarta: PT, Ichtiar Baru Van Hoeve, 1994), 4:24.

⁷ *Ensiklopedia Islam*, 59-65.

⁸ Martin Van Bruinesen, terj. Kitab Kuning (Pesantren dan Tarekat) (Bandung: Mizan, 1995), 239.

⁹ Martin Van Bruinesen, terj. Kitab Kuning (Pesantren dan Tarekat), 38.

¹⁰ A.H Johns, *Qur’anic Exegesis in the Malay World* (t.t.p.: t.p., t.t.), 3.

¹¹ Agus Sutopo, “Sumbangan Nawawi al-Bantani dalam Bidang Hadis: Kajian Terhadap Kitab Tanqih al-Qawl” (Dissertasi, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008), 53.

tersebar luas, justeru nama Nawawi al-Bantani termasuk dalam kategori ulama terkenal pada abad 14 H/19 M Dia digelar sebagai *al-Imām Muhaqqīq wa Fahm Mudaqqīq* dan digelari juga sebagai *Imām Nawāwī al-Thānī*.¹² Gelaran-gelaran lain yang diberikan kepada beliau ialah *Ulamā' al-Hijāz*, *Imām Ulamā' al-Haramayn*, salah seorang *Fuqahā'* dan *Hukamā'* *al-Muta'ākhirin* dan mahaguru pada *Nasr al-Ma'ārif Dīniyyah* di Makkah.¹³ Hamka menyebut bahawa Nawawi al-Bantani merupakan tokoh ulama besar diawal abad ke empat belas hijrah atau dipenghujung abad ke tiga belas. K.H DR. Idham Chalid pernah memuji beliau dengan menyatakan bahawa karangan Nawawi al-Bantani mencakupi seluruh bidang disiplin ilmu yang sangat diperlukan oleh umat Islam di Indonesia. Oleh itu, beliau berhak mendapat gelaran ‘pujangga dunia’¹⁴.

Sebagai bukti akan keagungan dan kemasyhuran Nawawi al-Bantani, nama dan keperibadian beliau telah disenaraikan bersama tokoh-tokoh terkemuka dunia dalam beberapa kitab biografi, seperti *Kamus al-Munjid* karya Louis Ma'luf¹⁵, *Mu'jam al-A'lam* yang dihimpun oleh Bassam Wahhab al-Jabi, *Mu'jam al-al-Matba'ah al-'Arabiyyah wa al-Mu'arrabah* karya Yusuf 'Aliyah Sarkis, *First Encyclopaedia of Islam* karya E.J. Brill's dan lebih terperinci lagi dalam *Mecca in the Later Part of the Nineteenth Century* karya C.S. Hurgronje. Melalui karya-karyanya beliau dikenal sebagai *Mufassir*, pemikir dan Faqih. Kehebatan ilmunya tidak hanya mencakup dalam bidang tafsir, tauhid, fiqh dan tasawuf. Dia juga seorang sarjana hadith dan telah menulis karya khusus dalam bidang hadith di antaranya ialah *Tanqih al-Qawl al-Hadīth Sharh al-Lubāb al-Hadīth*. Selain itu, dalam karyanya yang lain beliau juga menggunakan banyak hadith sebagai rujukan dan memperkuat hukum dalam debat dan diskusi salah satunya adalah kitab *Nasā'iḥ al-'Ibād*.

Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi al-Kediri atau nama sebenar beliau adalah Bakri lahir pada tahun 1901 dan meninggal

¹² Asnawi, “Pemikiran Shaykh Nawawi Tentang Ayat Qada’ dan Qadar dalam Kitab Tafsirnya Marah Labib” (Disertasi IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 1989), 38.

¹³ *Ensiklopedia Islam Indonesia* (Jakarta: Depdikbud Indonesia, 1993), 2:845.

¹⁴ Chaidar, *Sejarah Pujangga Islam Shaykh Nawawi Banten*, vi.

¹⁵ Louis Ma'luf, *Munjid fi al-A'lam* (cet. ke 26, t.tp : t.p, t.t.), 581.

dunia pada hari Isnin, 25 Zulhijjah 1371 H bersamaan bulan September 1952 di Jampes, Kediri¹⁶. Bapa beliau bernama Kiayai¹⁷ Haji Dahlan manakala ibunya bernama Nyai Artimah¹⁸. Ihsan juga seorang ulama Nusantara yang hebat. Pada usia 29 beliau telah menulis kitab *Tasrif al-‘Ibarat*, sebuah kitab dalam bidang ilmu falak. Kemudian pada usia 31 tahun, beliau telah menyelesaikan salah satu karya terbesar, iaitu kitab *Sirāj al-Ṭālibīn* yang diterbitkan pada tahun 1936 oleh penerbit dan percetakan Banhaniyah di Surabaya yang bekerja sama dengan sebuah percetakan di Kaherah, Mesir, *Mustafā al-Bābī Halabī*.

Kitab ini dipelajari di beberapa universiti dan digunakan oleh hampir seluruh pondok pesantren di Indonesia dengan kajian mendalam tentang tasawuf dan akhlak. Kitab *Sirāj al-Ṭālibīn* juga dikaji oleh beberapa universiti di Timur Tengah, bahkan Raja Faruk daripada Mesir meminta Ihsan al-Jampasi menjadi tetamu kehormat Mesir untuk menjadi pengajar di Universiti al-Azhar. Namun Ihsan al-Jampasi menolaknya dengan baik kerana beliau memilih untuk mengajar di Pesantren Jampes Kediri.

Kitab *Sirāj al-Ṭālibīn* ini bahkan menjadi rujukan wajib di pelbagai universiti di Eropah, Amerika dan Kanada pada jurusan teologi dan teosofi¹⁹. Melalui karyanya, beliau dikenal sebagai ahli ilmu falak, fiqh, dan tasawuf. Beliau mungkin tidak masyhur sebagai ahli atau sarjana hadith, tetapi beliau memiliki karya yang banyak menggunakan hadith sebagai rujukan dan panduan bagi orang yang membacanya. Di antaranya yang terkenal adalah kitab *Sirāj al-Ṭālibīn* (syarah dari kitab *Minhāj al-‘Ābidīn* karya al-Ghazālī). Kitab ini menghuraikan masalah-masalah tasawuf dengan kajian yang amat luas. Dalam mukaddimah kitab, Ihsan al-Jampasi memberikan huraian bahawa kitab ini disusun berdasarkan pengumpulan dan pindaan daripada pandangan-pandangan ulama yang pakar dalam bidang tasawuf. Dalam syaranan pula, beliau banyak menukil hadith-hadith *Sahīh al-Bukhārī*, *Sahīh Muslim*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā’ī*,

¹⁶ Louis Ma'luf, *Munjid fī al-A'lam*, 25.

¹⁷ Gelaran bagi alim ulama Islam dan orang yang berpengetahuan tinggi dalam hal-hal agama Islam. Lihat *Kamus Dewan Edisi ke-3* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 675.

¹⁸ Ihsan al-Jampasi, *Pengantar Kitab Kopi dan Rokok* (Yogyakarta: Pustaka Pesantren, 2009), 3.

¹⁹ Ihsan al-Jampasi, *Pengantar Kitab Kopi dan Rokok*, 18.

Sunan Ibn al-Mājah, *al-Mustadrak al-Hākim* dan kitab hadith lainnya bagi penjelasan matan kitab. Beliau juga mengambil pandangan daripada beberapa pakar ilmu *rijal* bagi menentukan hukum sesebuah hadith.

Sumbangan Ihsan kepada masyarakat Muslim di Indonesia bahkan masyarakat dunia adalah amat besar. Sebagai seorang ulama, Shayh Ihsan telah menumpukan seluruh perhatian, pemikiran dan tenaga beliau bagi mengabdikan diri kepada santri dan pesantren serta masyarakat. Karya-karya beliau telahpun menjadi bacaan dan rujukan para pelajar juga masyarakat. Ihsan tidak melupakan masyarakat awam. Beliau dikenal memiliki ilmu hikmah dan menguasai ketabiban. Hampir setiap hari, beliau memberikan masanya untuk menerima tetamu dari pelbagai daerah bagi memberikan rawatan dan pengubatan serta bantuan lain. Pada masa revolusi fisik 1945, Ihsan juga memiliki banyak membantu perjuangan bangsa. Pondok Pesantren Jampes selalu menjadi tempat singgah para pejuang yang hendak menyerang Belanda. Bahkan, beberapa kali Ihsan turut menghantar pelajar-pelajar beliau untuk ikut berjuang membela tanah air²⁰.

Skop dan Metodologi

Kajian ini memfokuskan kepada dua karya ulama Nusantara iaitu kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* oleh Nawawi al-Bantani dan *Sirāj al-Tālibīn* oleh Ihsan al-Jampasi. *Naṣā’ih al-‘Ibād* mengandungi 325 hadith, manakala *Sirāj al-Tālibīn* tidak dapat dipastikan jumlah hadith di dalamnya.²¹ Metodologi kajian yang digunakan adalah kualitatif melalui metode perpustakaan. Reka bentuk yang dipilih adalah analisis kandungan buku *Naṣā’ih al-‘Ibād* dan *Sirāj al-Tālibīn* yang ditulis oleh Nawawi al-Bantani dan Ihsan al-Jampasi. Sumber kedua adalah buku-buku, jurnal, majalah, makalah-makalah dan sumber lain yang berkaitan. Ini bagi mengumpul maklumat berkaitan metode penulisan hadith yang terdapat dalam karya kedua-dua ulama tersebut.

²⁰ Ihsan al-Jampasi, *Pengantar Kitab Kopi dan Rokok*, 20.

²¹ Perlu dijelaskan di sini bahawa penelitian terhadap hadith-hadith yang terdapat dalam kitab Siraj al-Talibin masih jarang dilakukan orang, susunan letak penulisan haditnya masih sederhana dan tidak tersusun rapi, oleh itu amat susah bagi pengkaji untuk menghitung jumlah hadith yang terdapat dalam kitab tersebut) meskipun begitu jumlah hadith yang terdapat dalam kitab tersebut cukup banyak.

Hasil Dapatan

Dapatan kajian daripada kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* dan *Sirāj al-Ṭālibīn* akan dibentangkan dalam jadual berikut:

Jadual 1.0: Metode penulisan hadith dalam kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* oleh Nawawi al-Bantani dan *Sirāj al-Ṭālibīn* oleh Ihsan al-Jampasi

No	Aspek	Kitab <i>Naṣā’ih al-‘Ibād</i>	Kitab <i>Sirāj al-Ṭālibīn</i>
1	Penu-lisan sanad	1. Menggunakan kaedah penulisan hadith tanpa <i>Sanad</i> ²² dan hanya menyebut perawi (<i>Mukhrīj al-Hadīth</i>) ²³ yang mengeluarkan hadith tersebut. 2. Menulis hadith tanpa menggunakan sanad, hanya meletakkan <i>Rāwī al-a‘lā</i> di peringkat <i>tabi‘in</i> dan <i>sahabat</i> .	1. Menggunakan kaedah penulisan hadith tanpa sanad hanya menyebut <i>Muhkrīj al-Hadīth</i> sahaja.
2	Penggunaan lafaz dan sighat dalam riwayat hadith	1. Menggunakan kaedah penulisan hadith hanya dengan <i>Sighat Ruwiya al-Marfū’ ilā al-Nabī</i> . 2. Menggunakan lafaz atau sighat <i>ruwiya</i> dan <i>qāla</i> . 3. Menggunakan lafaz atau sighat <i>fī al-Khabar</i> .	1. Menggunakan kaedah penulisan hadith dengan menulis lafaz <i>al-ladhī qīl fīh</i> di awal hadith. 2. Menggunakan lafaz dan sighat ‘ <i>amala bi-qawlih sallā Allāh ‘alayh wa-sallam</i> . 3. Menggunakan lafaz dan sighat <i>qāl sallā Allāh ‘alayh wa-sallam</i> . 4. Menggunakan lafaz dan sighat ‘ <i>amal bi-khabar</i> . 5. Menggunakan lafaz dan sighat <i>qawlūh sallā Allāh ‘alayh wa-sallam</i> sahaja.

²² *Sanad* ialah rangkaian atau rantai-rantai perawi-perawi yang boleh menyampaikan kepada matan hadith.

²³ *Mukhrīj* ialah makna *harfiyah* kata *Mukharrij* yang berasal dari kata *Kharraja* ertiannya orang yang mengeluarkan. Makna tersebut juga boleh didatangkan dari kata *Akhrāja* dengan isim fa’ilnya *Mukhrij*. Menurut para ahli hadith, yang dimaksud dengan *Mukhrīj* atau *Mukharrij* ialitu orang yang berperanan dalam mengumpul hadith, atau orang yang menyebutkan perawi hadith atau orang-orang yang telah berhasil menyusun kitab berupa kumpulan hadith, seperti al-Bukhari, Muslim, Malik, Ahmad, dan lain-lain.

No	Aspek	Kitab <i>Naṣā'iḥ al-'Ibād</i>	Kitab <i>Sirāj al-Tālibīn</i>
			6. Menggunakan lafaz <i>waqad warada</i> . 7. Menggunakan lafaz <i>wā-Sāḥib al-Shar' yaqūl</i> . 8. Menggunakan lafaz <i>alā tasma' qawluh al-Nabī sallā Allāh 'alayh was-sallam</i> .
3	Pernyataan sumber hadith		1. Menggunakan kaedah penulisan hadith dengan menyebut kitab dan pengarang kitab dengan memberiuraian bahawa hadith tersebut adalah <i>Marfū'</i> . 2. Menggunakan kaedah penulisan hadith dengan menulis pengarang kitab yang menyebutkan hadith daripada pengeluar hadith daripada <i>Rāwī al-A'lā</i> dan ulama pengeluar hadith serta pendapat ulama tentang status hadith kemudian menjelaskan bahawa hadith tersebut adalah <i>Marfū'</i> .
4	Penulisan matan	1. Menggunakan kaedah penulisan hadith dengan matan hadith sahaja.	
5	Penulisan makna hadith		1. Menggunakan kaedah penulisan hadith dengan menyebut maknanya sahaja.

Perbincangan

Berdasarkan jadual di beri didapati bahawa terdapat persamaan dan perbezaan metode penulisan hadith dalam kitab *Naṣā'iḥ al-'Ibād* oleh Nawawi al-Bantani dan *Sirāj al-Tālibīn* oleh Ihsan al-Jampasi. Perbincangan berkaitan perkara ini seperti berikut:

i. Aspek penulisan *Sanad*

Daripada jadual di atas, Nawawi al-Bantani menggunakan tiga metode iaitu:

Pertama: penulisan hadith tanpa *sanad* dan hanya menyebut perawi (*Mukhrij al-Hadīth*), contohnya²⁴:

روى أنه صلى الله عليه وسلم قال: اللهم إني أسألك نفساً مطمئنة تومن بمقائلك وترضى بمقاييسك وتقنع بعطائلك (رواه الطبراني).

Kedua: menulis hadith tanpa *sanad* dan hanya menyebut *Rāwī al-a'lā* daripada Tabi'in, contohnya²⁵:

قال صلى الله عليه وسلم: حب الدنيا رأس كل خطيبة (رواه البيهقي عن الحسن البصري).

Ketiga: penulisan hadith tanpa *sanad* dan hanya menyebutkan *Rāwī al-a'lā* diperangkat Sahabat, contohnya²⁶:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: كل أمر ذى بال لا يبدأ فيه بحمد الله فهو أقطع). أخرجه ابن حبان.

Ada kalanya beliau menyebutkan nama sahabat pada akhir matan hadith setelah disebutkan perawi yang mengeluarkan hadith tersebut. Contohnya²⁷:

قال النبي صلى الله عليه وسلم: ستة لعنتهم ولعنهم الله تعالى وكل نبي مجتب الدعوات الرائد في كتاب الله تعالى والملدكذب بقدر الله تعالى والمتسليط بالجبروت فيعز من أذله الله تعالى ويذل من أغزره الله والمستحل لحرم الله تعالى والمستحل من عترتي ما حرم الله والتارك لستي فإن الله تعالى لا ينظر إليهم يوم القيمة نظر الرحمة. (روي هذا الحديث الترمذى والحاكم عن عائشة والحاكم عن علي).

Manakala Ihsan al-Jampasi hanya menggunakan satu metode sahaja iaitu kaedah penulisan hadith tanpa sanad dan hanya menyatakan *Muhkrīj al-Hadīth*, contohnya²⁸:

²⁴ Muhammad Nawawi Banten, *Nasā'ih al-'Ibād fī Bayān Alfaẓ Munabbihat 'alā al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad* (Indonesia: Dār Ihṭā' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.), 30.

²⁵ Nawawi, *Nasā'ih al-'Ibād fī Bayān Alfaẓ Munabbihat 'alā al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad*, 30-32.

²⁶ Nawawi, *Nasā'ih al-'Ibād fī Bayān Alfaẓ Munabbihat 'alā al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad*, 33.

²⁷ Nawawi, *Nasā'ih al-'Ibād fī Bayān Alfaẓ Munabbihat 'alā al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad*, 40.

وفي رواية الترمذى أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: لما خلق الله الجنة أرسل جبريل الباب الجنة فقال أنظر إليها.

Daripada aspek pertama ini menunjukkan bahawa Nawawi al-Bantani dan Ihsan al-Jampasi sama-sama menggunakan kaedah penulisan hadith tanpa *sanad* dan hanya menyatakan *mukhrij al-hadīth* sahaja, bezanya Nawawi al-Bantani menambahkan *rāwī al-Ā'lā* diperingkat Tabi'iin dan *Sahabat* sedangkan Ihsan al-Jampasi tidak menggunakanannya. Penulisan seperti ini selari dengan metode yang banyak digunakan oleh ulama-ulama di Nusantara pada abad ke 14²⁹. Menurut kajian Ahmad Levi, metode penulisan hadith tanpa *sanad* oleh ulama Nusantara pada masa ini bukanlah bermakna ulama-ulama ketika itu mengabaikan kepentingan *sanad*. Namun ianya bertujuan untuk meringkaskan penulisan agar lebih mudah dan fokus dalam diskusi dan perdebatan³⁰. Penulisan hadith tanpa *sanad* bukan hanya terdapat dalam bidang hadith sahaja, dalam bidang tafsir juga banyak digunakan oleh mufassir terutama mufassir melayu (Nusantara) ketika mereka meletakkan hadith-hadith sebagai penyokong bagi ayat-ayat al-Quran yang mereka tafsirkan misalnya H. Zainuddin Hamidy dalam karyanya *Tafsir Qur'an*, Abd Ra'uf al-Fansuri dalam karyanya *Tarjuman al-Mustafid* dan Haji Abd al-Halim Hasan dalam *Tafsir al-Qur'an al-Karim*³¹.

Sanad atau *Tarīq* ialah rangkaian riwayat yang menghubungkan matan hadith kepada Nabi saw³². *Sanad* adalah suatu keistimewaan umat Islam yang tidak ada pada umat-umat terdahulu. Prihatin terhadap *sanad* dalam menyampaikan berita (hadith) adalah suatu sunnah yang amat dituntut dan merupakan

²⁸ Nawawi, *Nasā'iḥ al-‘Ibād fī Bayān Alfiṣṣ Mūnabbihat ‘alā al-Iṣtī’ad li Yawm al-Ma’ad*, 32.

²⁹ Badri Khaeruman, “Perkembangan Hadis di Indonesia pada Abad XX”, *Diroyah: Jurnal Studi Ilmu Hadis* 1, no 2 (March 2017), 187-202.

³⁰ Fachrul Avivy, Ahmad Levi dan Jawiah Dakir, “Methodology of Writing Hadith in the Works of Muhammad Nawawi Al-Bantani” *Journal of Applied Sciences Research* 8, issue 4 (April 2012), 2187-2192.

³¹ Parlindungan Simbolon, “Metode Penulisan Hadith dalam Tafsir Bahasa Melayu: Kajian Perbandingan Antara Tafsir al-Misbah dan Tafsir Pedoman al-Muttaqin” (Disertasi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 2013), 26-27.

³² Muhammad ‘Ajjāj al-Khātib, *Uṣūl al-Hadīth ‘Ulumuh wa Muṣṭalahuh* (cet. ke-3, Beirut: Dār al-Fikr, 1975), 32-33.

suatu syiar umat ini. Oleh yang demikian wajiblah setiap Muslim bersandar kepada *sanad* dalam menyampaikan hadith begitu juga dalam menulis hadith. Perletakan *sanad* dalam penulisan dan pengkajian hadith pada amnya bukan hanya berfungsi untuk mengesahkan kedudukan hadith sahaja tetapi ianya juga berfungsi sebagai nilai spiritual³³. Oleh itu penulisan *sanad* dalam sesebuah hadith akan memudahkan untuk mengesan apakah hadith tersebut *Marfū'*³⁴, *Mawqūf*³⁵ atau *Maqtū'*³⁶, apakah ianya hadith *Sahīh*, *Da’if* atau *Mawdū'*. Jika ianya tidak ditulis maka akan sukar untuk memastikan kesahihan dan keda’ifan sesebuah hadith tersebut³⁷.

Ibn al-Mubārak pernah mengatakan bahawa *sanad* adalah sebahagian (syiar) agama, kalaularah tidak kerana adanya *sanad* nescaya orang akan berkata apa saja yang mereka mahu³⁸ dan yang memisahkan antara kami dengan golongan yang tidak dapat dipercaya riwayatnya adalah *sanad*³⁹. Al-Nawāwī (pengarang kitab *Arbā’īn al-Nawāwī*) ketika mengulas pernyataaan Ibn al-Mubārak di atas mengatakan bahawa bila *sanad* hadith berkualiti *sahih* maka hadith itu dapat diterima sedangkan bila tidak *sahih* maka harus ditinggalkan. Beliau menyatakan bahawa hubungan hadith dengan sanadnya seumpama hubungan antara haiwan dengan kakinya, oleh itu keduanya tidak boleh dipisahkan sama ada semasa menyampaikan hadith mahupun semasa menuliskan hadith⁴⁰.

³³ Arif Chasanul Muna, *Penulisan Kitab al-Ṣabat dalam Kajian Hadis di Nusantara* (Kertas pembentangan, 1st ASILHA International Conference: Hadith Studies and Its Contribution for Indonesia and Muslim World di UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, 26 Oktober 2016).

³⁴ *Marfū'* ialah hadith yang disandarkan kepada Nabi SAW sama ada perkataan, perbuatan dan pengakuannya.

³⁵ *Mawquf* ialah hadith yang disandarkan kepada Sahabat, sama ada perkataan, perbuatan, atau pengakuan, sama ada bersambung sanadnya atau pun terputus.

³⁶ *Maqtū'* ialah hadith yang disandarkan kepada seorang Tabi'in dan orang sesudah Tabi'in kemudian orang-orang setelah mereka, sama ada perkataan atau perbuatan dan sesamanya.

³⁷ Faizuri Abdul Latif dan Ahmad Faisal Abdul Hamid, “Tradisi Penulisan Hadith dalam Karya Ulama’Melayu: Kajian Terhadap Kitab ‘Aqidah al-Najin”, *Jurnal Usuluddin* 30 (2009), 91-110.

³⁸ Muslim bin Hajjāj al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Sahīh Muslim* (t.t.p.: ‘Isā al-Bābī al-Halabī wa Syurakah, 1955), 1:14.

³⁹ Muslim, *Sahīh Muslim*, 14.

⁴⁰ Muslim bin Hajjāj al-Qushayrī, *Sahīh Muslim bi Syarḥ al-Nawāwī* (Mesir: Matba’ah Miṣriyyah, 1924), 1:88.

Al-Thawrī juga pernah berkata bahawa *sanad* adalah senjata orang mukmin, jika pada diri orang mukmin tidak ada senjata maka dengan apa dia akan menghadapi perperangan⁴¹, al-Awza‘ī mengatakan bahawa hilangnya pengetahuan hadith tidak akan terjadi kecuali jika *sanad* haditnya hilang⁴². Begitu pentingnya *sanad* dalam menyampaikan hadith begitu juga dalam penulisan hadith. Kepentingan *sanad* dan nilainya akan dapat dirasakan oleh orang yang mengkaji *rijal* sesebuah hadith setelah mengkajinya di dalam kitab-kitab yang menjelaskannya. Kepentingannya adalah seiring dengan kepentingan mengetahui *Ittiṣāl*⁴³ dan *Inqīṭā*⁴⁴ sesebuah hadith itu, kalau tidak demikian maka sukar atau mustahil untuk membezakan mana hadith yang *sahih* dan mana hadith yang palsu dan akan beranilah para pendusta untuk mereka-reka hadith⁴⁵.

Oleh yang demikian, untuk mengetahui semua perkara tersebut perlu adanya kajian *takhrīj*⁴⁶ dan *dirāsah asānid* terhadap sanad-sanad hadith ini, sehingga kita mengetahui kedudukan hadith sebenar, sama ada ianya *maqbūl* atau *mardūd*.

ii. Aspek Penggunaan *Lafaz* dan *Sighat* dalam Riwayat Hadith

Jadual di atas menunjukkan bahawa Nawawi al-Bantani menggunakan tiga metode iaitu:

Pertama: Menggunakan kaedah penulisan hadith hanya dengan *sigħāt ruwiya al-Marfū‘ ilā al-Nabī*, contohnya⁴⁷:

روي مرفوعا إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم: تفكروا في آيات الله ولا تفكروا في
الله فإنكم لم تقدروه حق قدره.

⁴¹ Nur al-Dīn al-‘Itr, *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Hadīth* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1979), 344.

⁴² Al-‘Itr, *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Hadīth*, 345.

⁴³ *Ittiṣāl* bermaksud bersambungnya rangkaian *sanad* hadith dari awal hingga akhir hadith.

⁴⁴ *Inqīṭā* bermaksud terputusnya salah satu atau lebih daripada rangkaian *sanad* hadith.

⁴⁵ Mahmūd al-Taḥḥān, *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsāt al-Asānid* (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li Nashr wa al-Tawzī‘, 1996), 139.

⁴⁶ *Takhrīj* bermaksud hadith yang dikemukakan oleh pengarang dengan sanadnya sendiri dalam kitabnya.

⁴⁷ Nawawi, *Nasā’ih al-‘Ibād fī Bayān Alfāz Munabbihat ‘alā al-Isti’dad li Yawm al-Ma’ad*, 47-51.

وفي حديث الطبراني مرفوعا إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم: إن من زنا فيه أو شرب خمرا لعنه الله ومن في السموات إلى مثله من الحول الثاني.

Kedua: Menggunakan *lafaz* atau *sighat ruwiya* dan *qāla*. Contoh pada *ruwiya*⁴⁸:

روي عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال: استعينوا على الحاجات بالكتمان فإن كل ذى نعمة محسود.

Contoh pada *sighat qāla*⁴⁹:

قال صلى الله عليه وسلم: ليس خيركم من ترك الدنيا للأخرة ولا الآخرة للدنيا ولكن خيركم من أخذ من هذه و هذه.

Ketiga: Menggunakan *lafaz* atau *sighat fī al-khabar*, contohnya⁵⁰:

وفي الخبر: تفكك ساعة خير من عبادة ستين سنة.

Manakala Ihsan al-Jampasi menggunakan lapan metode iaitu:

Pertama: Menggunakan kaedah penulisan hadith dengan menulis *lafaz al-ladhī qīl fīh* di awal hadith, contohnya⁵¹:

الذى قيل فيه: من يرد الله به خيرا يفقهه في الدين.

Kedua: menggunakan *lafaz* dan *sighat ‘amala bi-qawlih sallā Allāh ‘alayh wa-sallam*, contohnya⁵²:

عملا بقوله صلى الله عليه وسلم: من أسدى إليكم معروفا فكافوه فإن لم تكافوه فادعوا له.

Ketiga: Menggunakan *lafaz* dan *sighat qāl sallā Allāh ‘alayh wa-sallam*, misalnya⁵³:

قال صلى الله عليه وسلم: أتيت جوامع الكلم واحتصر لي الكلام احتصارا.

⁴⁸ Nawawi, *Nasā’ih al-‘Ibād fī Bayān Alfaẓ Munabbihat ‘alā al-Isti’dad li Yawm al-Ma’ad*, 53.

⁴⁹ Nawawi, *Nasā’ih al-‘Ibād fī Bayān Alfaẓ Munabbihat ‘alā al-Isti’dad li Yawm al-Ma’ad*, 56.

⁵⁰ Nawawi, *Nasā’ih al-‘Ibād fī Bayān Alfaẓ Munabbihat ‘alā al-Isti’dad li Yawm al-Ma’ad*, 36.

⁵¹ Ihsan al-Jampasi, *Sirāj al-Ṭālibīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 5.

⁵² Ihsan al-Jampasi, *Sirāj al-Ṭālibīn*, 13.

⁵³ Ihsan al-Jampasi, *Sirāj al-Ṭālibīn*, 19.

Keempat: Menggunakan *lafaz* dan *sighat ‘amal bi-khabar*, contohnya⁵⁴:

عمل بخير: كل امر ذي بال لا يبدأ ببسم الله الرحمن الرحيم فهو اقطع. (رواه أبو داود وحسنه ابن الصلاح وغيره).

Kelima: Menggunakan *lafaz* dan *sighat qawlūh sallā Allāh ‘alayh wa-sallam*, contohnya⁵⁵:

قوله صلى الله عليه وسلم: لا تفضلوني عن الأنبياء.

Keenam: Menggunakan *lafaz wa-qad warada*, contohnya⁵⁶:

وقد ورد: أن الملائكة لتنزع أحجتها لطلاب العلم.

Ketujuh: Menggunakan *lafaz wa-Sāhib al-Shar‘ yaqūl*, contohnya⁵⁷:

صاحب الشع يقول: تناكروا تناسلاوا.

Kelapan: Menggunakan *lafaz alā tasma‘ qawlūh al-Nabī sallā Allāh ‘alayh wa-sallam*⁵⁸.

Daripada aspek kedua ini Nawawi al-Bantani dan Ihsan al-Jampasi sama-sama menggunakan *lafaz* atau *sighat Qāla* pada sebahagian awal hadith dalam kitab mereka. Sedangkan *lafaz* yang lain banyak digunakan oleh Ihsan al-Jampasi dalam kitabnya dan Shaykh Nawawi al-Bantani tidak menggunakannya.

Kaedah penulisan hadith yang menggunakan *sighat Ruwiya*, *Qāla*, *fī al-Khabar*, *Qawlūhu Nabi saw*, sudah boleh diketahui bahawa ia adalah hadith *Marfū‘* tetapi belum diketahui status hukum hadith secara pasti apakah ianya *sahih*, *hasan* ataupun *dā‘if*. Sedangkan kaedah penulisan hadith dengan *sighat* atau *lafaz* yang lain daripada itu maka masih sukar untuk mengetahui status dan sumber asal hadith apakah ianya *marfū‘*, *mawquf* atau *maqtū‘* apakah ianya hadith *ṣahīḥ*, *hasan* ataupun *dā‘if*, oleh itu perlu diadakan kajian *takhrij* secara mendalam.

Dalam kaedah penulisan hadith dikenal adanya *sighah tamrīd* iaitu isyarat akan lemahnya sesebuah hadith yang dibina dengan *Majhūl* iaitu dengan kata kerja pasif seperti *yurwā*, *yuqāl*, *yuhkā*, *yudhkār*, *nuqil*, *qīl*, *balaghanā*, *warada*, *jā‘*. Sedangkan *sighah*

⁵⁴ Ihsan al-Jampasi, *Sirāj al-Tālibīn*, 20.

⁵⁵ Ihsan al-Jampasi, *Sirāj al-Tālibīn*, 37.

⁵⁶ Ihsan al-Jampasi, *Sirāj al-Tālibīn*, 42.

⁵⁷ Ihsan al-Jampasi, *Sirāj al-Tālibīn*, 46.

⁵⁸ Ihsan al-Jampasi, *Sirāj al-Tālibīn*, 50.

jazam adalah isyarat akan kesahihan atau kehasenan suatu hadith yang dibina dengan *ma’lūm* iaitu kata kerja aktif seperti *qāl Rasūl Allāh, yaqūl Rasūl Allāh* dan *‘an Rasūl Allāh*⁵⁹.

Al-Nawāwī (pengarang kitab *al-Arba ‘in Nawāwī*) mengatakan bahawa *sighah jazam* adalah digunakan untuk hadith *sahīh* dan *hasan* dan tidak boleh dipakai pada hadith *da’if*. Beliau juga mengatakan bahawa *Sighat Jazam* yang dipakai pada hadith *sahīh* dan *hasan* tidak semestinya hadith itu mutlak *sahīh* dengan keberadaan *sighat* boleh jadi sebaliknya dan mesti dilihat kepada siapa perawi yang menyandarkan hadith tersebut⁶⁰. Tidak semua berita yang disampaikan oleh Sahabat Nabi dengan *sighat* di atas adalah hadith Nabi, berita itu ada yang berstatus hadith *marfū’* ada yang *maqtū’* dan ada pula *mawquf*. Untuk mengetahui itu perlu adanya penelitian dan analisis *takhrij* terhadap hadith tersebut. Daripada keterangan di atas dapat diketahui bahawa Nawawi al-Bantani dan Ihsan Jampasi telah menggunakan beragam *sighat* atau *lafaz* pada permulaan hadith dalam kitab mereka, sama ada *sighat jazam* mahupun *sighat tamrīd*, sedangkan *lafaz* atau *sighat* yang lain yang banyak digunakan oleh Ihsan Jampasi itu adalah metode beliau sendiri dalam menukilkan dan menuliskan hadith.

Walaupun beliau menggunakan metode sendiri tetapi para penulis hadith perlu menghayati apa yang dikatakan oleh Maḥmūd al-Taḥḥān iaitu ‘bagi penulis hadith mencurahkan kesungguhannya dalam menulis harakat dan titik serta menjaganya dari campur-aduk. Memberikan harakat terutama nama-nama kerana tidak diketahui apa harakat sebelum atau selepasnya. Hendaklah menulis dengan tulisan yang jelas dan sesuai dengan kaedah penulisan pada amnya. Dan hendaklah tidak membuat istilah sendiri dengan istilah khusus seperti singkatan yang tidak diketahui oleh orang ramai’⁶¹.

⁵⁹ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*, taḥqīq: Aḥmad ‘Umar Hasim (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1996), 1-2:250.

⁶⁰ Abū Zakariyyā Muhy al-Dīn al-Nawāwī, *al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab*, taḥqīq: Maḥmūd Matrajī (Beirut: Dār al-Fikr, 1996), 1:98.

⁶¹ Maḥmūd Ibn Ahmad al-Taḥḥān, *Taysīr Muṣṭalah al-Hadīth* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif, 1987), 138.

iii. Aspek Penyataan Sumber Hadith

Daripada jadual di atas dapat dikatakan bahawa Nawawi al-Bantani tidak menggunakan kaedah ini sedangkan Ihsan al-Jampasi menggunakan dua metode iaitu:

Pertama: Menggunakan kaedah penulisan hadith dengan menyebut kitab dan pengarang kitab dengan memberi huraian bahawa hadith tersebut adalah *marfū'*, contohnya⁶²:

وقد أخرج الترمذى في جامعه حديثاً مرفوعاً ذكر فيه عن الرب سبحانه وتعالى أنه
قال: وذلك أنى جواد ماجد.

Kedua: Menggunakan kaedah penulisan hadith dengan menulis pengarang kitab yang menyebutkan hadith daripada pengeluar hadith daripada *rawi al-A'la* dan ulama pengeluar hadith serta pendapat ulama tentang status hadith kemudian menjelaskan bahawa hadith tersebut adalah *marfū'*, contohnya⁶³:

قال العلامة الربيدي: روى أبو داود في الملاحم والحاكم في الفتنة وصححه والبيهقي
في المعرفة من حديث أبو هريرة رضي الله عنه رفعه: أن الله تعالى يبعث لهذه الأمة
عن رأس كل مائة من يجدد لها أمر دينها. قال العراقي وغيره سنته صحيح.

iv. Aspek Penulisan Matan

Berdasarkan jadual di atas Nawawi al-Bantani menggunakan satu metode penulisan hadith dengan *matan*, contohnya⁶⁴:

حصلتان لا شيء أفضل منهما، الإيمان بالله والتفاعل للمسلمين، وحصلتان لا شيء
أحخبث منهما، الشرك بالله والضر بال المسلمين.

Sedangkan Ihsan al-Jampasi tidak ada menggunakan kaedah tersebut.

v. Aspek Penulisan Makna Hadith

Daripada aspek penulisan makna Nawawi al-Bantani tidak menggunakan metode ini dalam kitabnya, sedangkan Ihsan al-

⁶² Nawawi, *Nasā'iḥ al-'Ibād fī Bayān Alfiẓ Munabbihat 'alā al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad*, 25.

⁶³ Nawawi, *Nasā'iḥ al-'Ibād fī Bayān Alfiẓ Munabbihat 'alā al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad*, 5.

⁶⁴ Nawawi, *Nasā'iḥ al-'Ibād fī Bayān Alfiẓ Munabbihat 'alā al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad*, 27.

Jampasi menggunakan kaedah iaitu penulisan hadith dengan menyebut maknanya sahaja⁶⁵.

Daripada aspek penulisan hadith dengan *matan* dan *makna*, maka keduanya menulis hadith menggunakan matan (*Riwyat bi Lafz*). Bezanya Ihsan al-Jampasi menulis hadith kadang-kadang hanya dengan makna (*Riwyat bi al-Ma’na*), manakala Nawawi al-Bantani jarang menulis hadith dengan makna (*Riwyat bi al-Ma’na*). Menulis hadith yang hanya menggunakan *matan*, masih sukar dikesan statusnya, hukumnya dan sumber asalnya lebih-lebih lagi yang ditulis hanya dengan makna sahaja. Oleh itu, untuk kaedah ini masih diperlukan kajian *takhrīj* dan *dirāsaḥ asāni* untuk mengetahui status hadith tersebut sama ada ianya *marfū*’, *mawquf* atau *maqtū*’, sama ada *ṣahīh*, *ḥasan*, *da’if*, atau *mawdū*'. Hadith-hadith yang ditulis dengan *matan* langsung (diriwayatkan secara *lafzī*) oleh para sahabat sebagai saksi pertama hanyalah hadith yang dalam bentuk sabda dan didengar langsung daripada Nabi SAW. Sedangkan hadith yang tidak dalam bentuk sabda (tidak didengar langsung daripada Nabi) hanya dimungkinkan dapat diriwayatkan secara makna. Kerana hadith yang tidak didengar langsung daripada Nabi adalah kalimat yang berpindah dari satu Sahabat kepada Sahabat yang lain.

Di sini penulis tidak membahaskan tentang periwayatan hadith secara *lafaz* atau hadith yang ditulis secara matan langsung kerana perkara itu adalah perkara yang sudah diketahui secara meluas. Tetapi di sini penulis membincangkan tentang periwayatan dengan makna yang banyak ditulis oleh Ihsan al-Jampasi. Para sahabat Nabi kebanyakannya membolehkan untuk meriwayatkan hadith secara makna. Di antara mereka adalah ‘Alī bin Abī Ṭālib, Ibn ‘Abbās, Anas bin Mālik, Abū Darda’, ‘Abd Allāh bin Mas‘ūd, ‘Ā’ishah manakala daripada Tabi’in seperti Hasan al-Baṣri, al-Shi'bī, ‘Amru Ibn Dīnār, Ibrāhīm al-Nakha‘ī, Mujāhid dan ‘Ikrimah⁶⁶. Sebahagian kecil daripada kalangan sahabat tetap berpegang pada periwayatan dengan *lafzī* di antaranya ialah ‘Umar bin al-Khattab, ‘Abd Allāh bin ‘Umar dan Zayd bin al-Arqām, ulama yang lain yang tetap berpegang dengan periwayatan hadith secara lafaz ialah Muḥammad bin Sīrin, Raja’

⁶⁵ Ihsan al-Jampasi, *Sirāj al-Ṭālibīn*, 42.

⁶⁶ Muḥammad ‘Ajjāj al-Khāṭib, *Uṣūl al-Hadīth ‘Ulumuḥu wa Muṣṭalaḥuhu*, 130-132.

bin Haywah, Qāsim bin Muḥammad, Tha‘lab bin Nahwi, Abū Bakar al-Rāzī⁶⁷. Walaupun demikian mereka yang tetap berpegang pada periwayatan secara lafaz tidaklah melarang secara tegas periwayatan hadith secara makna. Ulama mempersoalkan boleh tidaknya selain Sahabat Nabi meriwayatkan hadith secara makna. Abū Bakar al-‘Arabī berpendapat bahawa selain sahabat Nabi tidak diperbolehkan meriwayatkan hadith secara makna. Para sahabat Nabi dibolehkan meriwayatkan hadith secara makna kerana mereka memiliki pengetahuan bahasa Arab yang tinggi (*al-Fasāḥah wa al-Balāghah*). Mereka juga menyaksikan langsung keadaan dan perbuatan Nabi SAW. Kebanyakan ulama membolehkan riwayat hadith dengan makna dengan beberapa syarat yang disepakati di antaranya ialah⁶⁸:

1. Bahawa yang boleh meriwayatkan hadith secara makna hanyalah mereka yang benar-benar memiliki pengetahuan bahasa Arab yang mendalam. Dengan demikian periwayatan matan hadith akan terhindar daripada kekeliruan, contohnya menghalalkan yang haram atau sebaliknya.
2. Periwayatan dengan makna dilakukan kerana sangat terpaksa misalnya kerana lupa susunan secara harfiah.
3. Bahawa yang diriwayatkan dengan makna bukanlah sabda Nabi SAW dalam bentuk bacaan yang sifatnya ta’abbudi, contohnya zikir, doa, azan dan sebagainya serta bukan dalam bentuk *Jawāmi’ al-Kalim*.
4. Periwayat yang meriwayatkan hadith dengan makna atau yang mengalami keraguan akan susunan matan hadith yang diriwayatkan agar menambah kata-kata (*aw kamā qāla, aw nahwu hadha*) atau yang semakna dengannya setelah menyatakan matan hadith yang bersangkutan.
5. Kebolehan periwayatan hadith secara makna hanya terbatas pada masa sebelum dibukukannya hadith Nabi secara rasmi, sesudah masa pembukuan hadith maka periwayatan hadith harus secara *lafzi*⁶⁹.

⁶⁷ Al-Khāṭib, *Uṣūl al-Hadīth ‘Ulumuhu wa Muṣṭalahuhu*, 127-128, al-Ḥasan bin ‘Abd al-Rahmān al-Ramahurmuzi, *al-Muḥaddīth al-Fāṣil Bayna al-Rāwī wa al-Wā’ī* (cet. 1, Kaherah: Dār al-Bayān, 1971), 686.

⁶⁸ Al-Ramahurmuzi, *al-Muḥaddīth al-Fāṣil Bayna al-Rāwī wa al-Wā’ī*, 533-536.

⁶⁹ Abū ‘Umar ‘Uthmān bin ‘Abd al-Rahmān Ibn Salāh, *‘Ulūm al-Hadīth* (Madinah: Maktabah al-‘Ilmiyyah, 1972), 190-192. Abū Zahwī Muḥammad

Adanya syarat-syarat tersebut menandakan bahawa periwayatan hadith secara makna walaupun dibolehkan oleh ulama tetapi praktiknya tidak dibiarkan begitu saja, ertiya para periyat tidak bebas begitu saja dalam melakukan periyatan secara makna. Kemudian ulama hadith menimbulkan soalan tentang boleh tidaknya periyat hadith atau menulis hadith dengan meringkas matan hadith. Ada ulama yang melarangnya dan ada yang membolehkannya tanpa syarat dan ada yang membolehkannya dengan syarat-syarat tertentu. Pendapat yang terakhir ini banyak diikuti oleh ulama hadith. Syarat-syarat yang dimaksudkan itu adalah:

1. Bahawa yang melakukan ringkasan itu bukanlah periyat hadith yang bersangkutan.
2. Apabila ringkasan dilakukan oleh periyat hadith, maka sudah harus ada hadith yang dikemukakannya secara sempurna.
3. Tidak dipotong kalimat yang mengandungi kata pengecualian (*al-Istisnā’*), syarat, *al-ghāyah*, dan yang seumpamanya.
4. Keringkasan itu tidak termasuk petunjuk dan penjelasan yang terkandung dalam hadith yang bersangkutan.
5. Bahawa yang melakukan ringkasan haruslah orang yang benar-benar telah mengetahui kandungan hadith yang bersangkutan⁷⁰. Ulama berbeza pendapat tentang periyatan hadith dengan cara meringkaskan matan tetapi pendapat yang cukup hati-hati adalah pendapat yang membolehkannya dengan catatan dipenuhi syarat-syaratnya.

Secara ringkasnya persamaan dan perbezaan metode penulisan hadith dalam kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* oleh Nawawi al-Bantani dan *Sirāj al-Ṭālibīn* oleh Ihsan al-Jampasi dapat dilhat dalam jadual berikut:

Muhammad, *al-Hadīth wa al-Muḥaddithūn* (Mesir: Matba’ah al-Miṣr, t.t.), 201-205.

⁷⁰ Ibn Salah, ‘Ulūm al-Hadīth, 192-194, Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf, *Taqrīb al-Nawāwī fi Uṣūl al-Hadīth* (Kaherah: t.p., t.t.), 25-26.

Jadual 2.0: Jadual persamaan dan perbezaan metode penulisan hadith dalam kitab *Naṣā'ih al-‘Ibād* oleh Nawawi al-Bantani dan *Sirāj al-Tālibīn* oleh Ihsan al-Jampasi

No	Aspek	Persamaan	Perbezaan
1	Penu-lisan <i>sanad</i> .	Nawawi al-Bantani dan Ihsan al-Jampasi sama-sama menggunakan kaedah penulisan hadith tanpa <i>sanad</i> dan menyatakan <i>mukhrij al-hadīth</i> tersebut.	Nawawi al-Bantani menggunakan metode penulisan hadith tanpa <i>sanad</i> dan hanya menyebut <i>rāwī al-a'lā</i> diperangkat <i>tabi'in</i> dan sahabat sedangkan Ihsan al-Jampasi tidak menggunakannya.
2	Peng-gunaan <i>lafaz</i> dan <i>sighat</i> dalam riwayat hadith.	Nawawi al-Bantani dan Ihsan al-Jampasi sama-sama menggunakan <i>lafaz</i> atau <i>shigat qāla</i> pada sebahagian awal hadith dalam kitab mereka.	Ihsan al-Jampasi banyak menggunakan <i>lafaz</i> atau <i>sighat</i> lain dalam kitabnya seperti <i>lafaz</i> : قَيْلَ فِيهِ، عَمَلاً بِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَقَدْ وَرَدَ، قَوْلُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَصَاحِبُ الْشَّرِيعَةِ يَقُولُ، إِنَّمَا تَسْمَعُ قَوْلَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. Sedangkan Nawawi al-Bantani tidak menggunakannya.
3	Penyataan sumber hadith.	Tiada dijumpai persamaan dalam metode ini.	Ihsan al-Jampasi menggunakan kaedah ini dalam kitabnya sedangkan Nawawi al-Bantani tidak menggunakannya.
4	Penu-lisan <i>matan</i> dan <i>ma'nā</i> hadith.	Kedua ulama di atas sama-sama menulis hadith menggunakan <i>matan</i> <i>Riwayat bi al-Lafz</i> .	Ihsan al-Jampasi adakalanya menulis hadith dengan makna (<i>riwāyat bi al-ma'nā</i>), sedangkan Nawawi al-Bantani jarang menulis hadith dengan makna (<i>riwāyat bi al-ma'nā</i>).

Penutup

Nawawi al-Bantani dan Ihsan al-Jampasi telah memberikan impak besar dalam mengembangkan ilmu hadith di Nusantara. Keduanya merupakan ulama yang aktif dalam menulis karya-karya besar yang mencakupi pelbagai disiplin ilmu Islam. Karya mereka masih banyak digunakan di Indonesia dan menjadi rujukan hingga ke hari ini. Di kalangan penuntut ilmu di Nusantara, kedua-dua tokoh ulama tersebut tidak hanya dikenali sebagai penulis kitab sahaja, bahkan dikenali sebagai mahaguru sejati. Jasa Nawawi al-Bantani dan Ihsan al-Jampasi telah berjaya meletakkan landasan kepada ilmu hadith dan batasan-batasan periwatan hadith di alam Nusantara. Penyampaian dan pengajaran hadith kepada masyarakat Islam bagi kedua-dua tokoh tersebut menekankan pada nilai-nilai pengamalan hadith dengan melakukan penapisan hadith-hadith yang sesuai diamalkan masyarakat. Manakala sanad dan *tariq* hadith tidak diceritakan secara mendalam. Namun demikian, bukanlah keduanya mengabaikan tanggungjawab pemuliharaan hadith daripada kepaluan untuk diajarkan kepada masyarakat.

Justeru, metode keduanya memudahkan pengamalan hadith tanpa menyusahkan masyarakat awam untuk menapis hadith sama ada yang *sahīh* maupun yang palsu. Pemikiran metode penulisan hadith keduanya masih relevan diamalkan dalam dunia perkembangan hadith pada ketika ini, kerana ulama hadith tidak menentang cara penyampaian hadith yang dibuat oleh Nawawi dan al-Jampasi. Metode yang diperkenalkan keduanya juga dapat mempertahankan dan melestarikan hadith-hadith Nabi daripada dibuang dan ditinggalkan. Ianya merupakan kerangka kerja besar penjagaan hadith Nabi yang layak untuk dihargai dan dipertimbangkan dalam mengurangi ketegangan dikalangan pengkaji hadith di Nusantara.

Rujukan

- Agus Sutopo. “Sumbangan Nawawi al-Bantani dalam Bidang Hadis: Kajian Terhadap Kitab *Tanqih al-Qawl*”. Disertasi, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.
- Al-‘Itr, Nur al-Dīn. *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Hadīth*. Damsyik: Dār al-Fikr, 1979.

- Al-Khātib, Muhammad ‘Ajjāj. *Uṣūl al-Hadīth ‘Ulumuh wa Muṣṭalahuh*. Cet. ke-3, Beirut: Dār al-Fikr, 1975.
- Al-Nawāwī, Abū Zakariyyā Muḥy al-Dīn. *Al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab*, taḥqīq: Maḥmūd Matrajī. Beirut: Dār al-Fikr, 1996.
- Al-Nawāwī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf. *Taqrīb al-Nawāwī fī Uṣūl al-Hadīth*. Kaherah: t.p., t.t.
- Al-Naysabūrī Muslim bin Ḥajjāj al-Qushayrī. *Ṣaḥīḥ Muslim*. T.t.p.: ‘Isā al-Bābī al-Halabī wa Syurakah, 1955.
- Al-Qushayrī, Muslim bin Ḥajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawāwī*. Mesir: Matba’ah Miṣriyyah, 1924.
- Al-Ramahurmuzi, al-Ḥasan bin ‘Abd al-Rahmān. *Al-Muḥaddīth al-Fāsil Bayna al-Rāwī wa al-Wā’i*. Cet. 1, Kaherah: Dār al-Bayān, 1971.
- Al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr. *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Tagrīb al-Nawāwī*, taḥqīq: Aḥmad ‘Umar Hasim. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1996.
- Al-Tāhhān, Maḥmūd Ibn Aḥmad. *Taysīr Muṣṭalah al-Hadīth*. Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif, 1987.
- Arif Chasanul Muna. “Penulisan Kitab al-Ṣabat dalam Kajian Hadis di Nusantara”. Kertas pembentangan, 1st ASILHA International Conference: Hadith Studies and Its Contribution for Indonesia and Muslim World di UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, 26 Oktober 2016.
- Asnawi. “Pemikiran Shaykh Nawawi Tentang Ayat Qada’ dan Qadar dalam Kitab Tafsirnya Marah Labib”. Disertasi IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 1989.
- Badri Khaeruman. “Perkembangan Hadis di Indonesia pada Abad XX”. *Diroyah: Jurnal Studi Ilmu Hadis* 1, no 2 (March 2017), 187-202.
- Bruinesen, Martin Van. Terj. Kitab Kuning. *Pesantren dan Tarekat*. Bandung: Mizan, 1995.
- Chaidar. *Sejarah Pujangga Islam Shaykh Nawawi Banten*. Jakarta: CV Sarana Utama, 1978.
- Ensiklopedia Islam Indonesia*. Jakarta: Depdikbud Indonesia, 1993.
- Ensiklopedia Islam. Cet. ke 3, Jakarta: PT, Ichtiar Baru Van Hoeve, 1994.

- Fachrul Avivy, Ahmad Levi dan Jawiah Dakir. "Methodology of Writing Hadith in the Works of Muhammad Nawawi Al-Bantani" *Journal of Applied Sciences Research* 8, issue 4 (April 2012), 2187-2192.
- Faizuri Abdul Latif dan Ahmad Faisal Abdul Hamid. "Tradisi Penulisan Hadith dalam Karya Ulama'Melayu: Kajian Terhadap Kitab 'Aqidah al-Najir". *Jurnal Usuluddin* 30 (2009), 91-110.
- Ibn Ṣalāḥ, Abū 'Umar 'Uthmān bin 'Abd al-Rahmān. *'Ulūm al-Hadīth*. Madinah: Maktabah al-'Ilmiyyah, 1972.
- Ihsan al-Jampasi. *Pengantar Kitab Kopi dan Rokok*. Yogyakarta: Pustaka Pesantren, 2009.
- Ihsan al-Jampasi. *Sirāj al-Ṭālibīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000.
- Ishak Haji Suliaman. "Metodologi Penulisan Bulugh al-Marām Sebagai Kitab Ḥadīth al-Aḥkām". *Jurnal Usuluddin* 10 (1999), 1-20.
- Johns, A.H. *Qur'anic Exegesis in the Malay Word*. T.tp.: t.p., t.t.
- Kamus Dewan*. Edisi ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Karel A. Steenbrink. *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke 19*. Jakarta: Terjemahan Bulan Bintang, 1984.
- Ma'luf, Louis. *Munjid fī al-A'lam*. Cet. ke 26, t.tp: t.p., t.t.
- Mahmūd. al-Ṭāḥḥān, *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsāt al-Asānid*. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li Nashr wa al-Tawzī', 1996.
- Muhammad Nawawi Banten. *Nasā'ih al-‘Ibād fī Bayān Alfāz Munabbihat ‘alā al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad*. Indonesia: Dār Iḥtā' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.
- Muhammad, Abū Zahwī Muhammad. *Al-Hadīth wa al-Muhaddithūn*. Mesir : Matba'ah al-Miṣr, t.t.
- Parlindungan Simbolon. "Metode Penulisan Hadith dalam Tafsir Bahasa Melayu: Kajian Perbandingan Antara Tafsir al-Misbah dan Tafsir Pedoman al-Muttaqin". Disertasi, Universiti Malaya, 2013.
- Rafi'uddin Ramli. *Sejarah Hidup dan Silsilah Keturunan Shaykh Nawawi Banten*. Banten: Yayasan Nawawi Tanara, t.t.
- Yusuf 'Allan Sarkis. *Mu'jam al-Matbū'ah al-'Arabiyyah wa al-Mu'arrabah*. Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Dīniyyah, t.t.